

ANALISIS JURANG ANTARA LABEL 'MESRA MUSLIM' DAN 'PENSIJILAN HALAL' DALAM INDUSTRI PERHOTELAN

ANALYSIS OF THE GAP BETWEEN 'MUSLIM-FRIENDLY' LABELS AND 'HALAL CERTIFICATION' IN THE HOTEL INDUSTRY

ⁱ*Wan Rafiqul A'ala, ⁱProf. Madya Dr. Setiawan Gunardi

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

*(Corresponding Author): wrawanrafiqu@gmail.com

ABSTRAK

Industri pelancongan Islam di Malaysia sedang mengalami pertumbuhan pesat, namun ia berdepan dengan cabaran kritikal berkaitan kekeliruan terminologi antara label 'Mesra Muslim' dan 'Pensijilan Halal'. Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis jurang definisi dan operasi yang wujud dalam industri perhotelan negara melalui sorotan literatur yang komprehensif. Kajian meneliti pelbagai piawaian sedia ada termasuk MS 2610:2015 dan sistem penarafan antarabangsa, serta menilainya melalui kerangka Maqasid Syariah. Dapatan kajian mendedahkan wujudnya ketidakseragaman yang ketara apabila 'Pensijilan Halal' lazimnya dihadkan kepada aspek makanan dan minuman (F&B), manakala label 'Mesra Muslim' pula digunakan secara meluas tanpa piawaian yang jelas dan konsisten. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jurang persepsi berlaku kerana ketiadaan penyelarasan standard; label 'Mesra Muslim' sering disalah anggap setaraf dengan 'Pensijilan Halal' walaupun skop operasinya jauh berbeza. Justeru, kajian ini mencadangkan pengenalan sistem klasifikasi berperingkat yang telus dan harmonisasi standard bagi merapatkan jurang jangkaan pelancong serta memperkukuh integriti Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam pilihan global.

Kata Kunci: *Pelancongan Islam, Hotel Mesra Muslim, Pensijilan Halal, Maqasid Syariah, MS 2610:2015*

ABSTRACT

The Islamic tourism industry in Malaysia is experiencing rapid growth, but it faces critical challenges related to the terminological confusion between the labels 'Muslim Friendly' and 'Halal Certification'. This paper aims to analyze the definitional and operational gaps that exist in the country's hospitality industry through a comprehensive literature review. The study examines various existing standards including MS 2610:2015 and international rating systems, and evaluates them through the Maqasid Syariah framework. The study findings reveal significant inconsistencies as 'Halal Certification' is usually limited to the food and beverage (F&B) aspect, while the 'Muslim Friendly' label is widely used without clear and consistent standards. Further analysis found that the current standards tend to emphasize the religious ritual aspect (Hifz al-Din) but give less emphasis to the safety of life and property (Hifz al-Nafs & Hifz al-Mal) aspect which is the main demand of Maqasid. Therefore, this study proposes the introduction of a transparent tiered classification system and the harmonization of standards to bridge the gap in tourist expectations and strengthen Malaysia's integrity as a global Islamic tourism destination of choice.

Keyword (s): *Islamic Tourism, Muslim Friendly Hotels, Halal Certification, Maqasid Syariah, MS 2610:2015*

PENDAHULUAN

Sektor pelancongan Islam kini berkembang pesat sebagai penyumbang ekonomi yang penting, sekaligus mengekalkan kedudukan Malaysia di tangga teratas *Global Muslim Travel Index* (Mastercard & CrescentRating, 2025). Namun, di sebalik potensi ekonomi yang besar ini, industri perhotelan di Malaysia menghadapi dilema struktur yang kritikal. Wujud ketidakseragaman dan kekeliruan yang ketara dalam penggunaan terminologi dan piawaian operasi (Mazlan et al., 2023). Istilah seperti "Hotel Halal", "Hotel Patuh Syariah" (*Shariah Compliant Hotel* - SCH), dan "Hotel Mesra Muslim" (*Muslim-Friendly Hotel* - MFH) sering digunakan secara berganti-ganti tanpa pemahaman yang jelas mengenai implikasi operasi. Statistik menunjukkan bahawa daripada ribuan hotel di Malaysia, peratusan yang benar-benar mematuhi prinsip Syariah secara menyeluruh adalah sangat kecil, dianggarkan sekitar 10% sahaja pada satu ketika, manakala sebahagian besar yang lain hanya memenuhi kriteria asas atau sekadar memiliki sijil halal untuk dapur (Abdul Karim et al., 2022).

Ketidakeragaman ini bukan sahaja menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengusaha hotel mengenai arah tuju perniagaan mereka, tetapi juga mewujudkan jurang jangkaan dalam kalangan pelancong. Pelancong Muslim hari ini semakin peka, mereka bukan sekadar mencari makanan halal, tetapi pengalaman pelancongan yang selaras dengan gaya hidup dan nilai agama mereka, yang merangkumi aspek keselamatan, privasi, dan persekitaran yang bebas daripada elemen syubhah (Muslim & Harun, 2022).

Justeru, kertas kerja ini bertujuan pencerakinkan jurang tersebut melalui analisis terhadap literatur sedia ada. Ia akan membahagikan perbincangan kepada tiga segmen utama iaitu pendefinisian konsep asas 'Halal' dan 'Mesra Muslim' dari perspektif industri pelancongan, bedah siasat terhadap standard-standard yang sedang diguna pakai seperti MS2610:2015 dan yang terakhir, analisis kritikal mengenai implikasi ketiadaan kata sepakat ini terhadap operasi industri dan pematuhan Maqasid Syariah.

PENYATAAN MASALAH

Pertumbuhan pesat pelancongan Islam telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan hospitaliti yang patuh Syariah (Abu Karim et al., 2017). Namun, industri perhotelan di Malaysia masih berdepan dengan ketiadaan keseragaman standard dalam penentuan status patuh Syariah (Sabidin, 2015; Hussain et al., 2021)). Isu utama timbul apabila Pensijilan Halal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) pada masa kini hanya memfokuskan kepada aspek makanan dan premis iaitu dapur hotel dan tidak merangkumi operasi hotel secara menyeluruh (Department of Islamic Development Malaysia, 2020).

Kekangan skop ini telah mewujudkan satu jurang (*gap*) yang diisi oleh pemain industri dengan memperkenalkan label alternatif seperti 'Mesra Muslim' (*Muslim-Friendly*). Walau bagaimanapun, ketiadaan garis panduan yang jelas dan dikawal selia bagi label 'Mesra Muslim' ini menyebabkan ia diguna pakai secara subjektif dan tidak konsisten (Amir & Abdul Rahman, 2024). Situasi ini mencetuskan jurang persepsi yang ketara. Pengguna boleh menganggap hotel 'Mesra Muslim' adalah setaraf dengan hotel "Halal" sepenuhnya, sedangkan realitinya ia mungkin hanya memenuhi kriteria asas yang terhad (Hashim & Mohd Fauzi, 2022). Kekeliruan ini bukan sahaja menjejaskan keyakinan pelancong Muslim, malah menyukarkan pematuhan industri terhadap prinsip Syariah yang sebenar.

SOROTAN LITERATUR

Secara asasnya, istilah "Halal" merujuk kepada segala sesuatu yang dibenarkan oleh undang-undang Syariah, yang berlawanan dengan "Haram". Dalam konteks industri perhotelan, definisi Hotel Halal sering kali membawa maksud kepatuhan mutlak terhadap prinsip Islam (Ahmad et al., 2019). Menurut kajian terdahulu, hotel yang dilabelkan sebagai Halal

sepenuhnya mesti memastikan bahawa keseluruhan operasi, bermula dari penyediaan makanan, kewangan, hingga kepada fasiliti rekreasi, semuanya harus bebas daripada elemen haram seperti alkohol, perjudian dan percampuran bebas antara lelaki dan wanita (Ahmet & Zahari, 2012; Che Omar & Mohamad, 2019).

Sebaliknya, konsep 'Mesra Muslim' (Muslim-Friendly) muncul sebagai pendekatan yang lebih fleksibel. Istilah ini merujuk kepada penyediaan kemudahan yang memenuhi keperluan asas pelancong Muslim tanpa semestinya mengubah keseluruhan ekosistem operasi hotel menjadi patuh Syariah sepenuhnya (Boğan & Sarıışık, 2019). Abdul Rahman et al (2025) mendefinisikan pelancongan mesra Muslim sebagai penyediaan fasiliti wajib seperti arah kiblat, sejadah, dan akses kepada makanan halal walaupun hotel tersebut mungkin masih menyajikan alkohol di premis tertentu seperti di bar lobi atau mempunyai kolam renang bercampur. Oleh itu, 'Mesra Muslim' dilihat sebagai tahap ketersediaan perkhidmatan, manakala "Halal" adalah status pematuhan undang-undang agama yang menyeluruh (Ma'sor et al, 2023; Mohamad Rasit, 2016).

Bagi mengawal selia konsep-konsep ini, beberapa badan autoriti dan organisasi antarabangsa telah membangunkan standard tertentu. Di Malaysia, Jabatan Standard Malaysia telah memperkenalkan MS 2610:2015 (*Muslim Friendly Hospitality Services - Requirements*). Standard ini adalah antara yang pertama di dunia yang memberikan garis panduan rasmi mengenai pengurusan perkhidmatan mesra Muslim. MS 2610:2015 mengkategorikan jaminan kepada tiga tahap utama iaitu Platinum, Emas dan Perak bagi membolehkan pihak hotel memenuhi keperluan pelancong Muslim mengikut kapasiti mereka tanpa mendakwa status "Halal" sepenuhnya pada keseluruhan premis (Jabatan Standard Malaysia, 2015).

Di peringkat global, CrescentRating dengan kerjasama OIC (Organization of Islamic Cooperation) telah membangunkan satu piawaian penarafan yang menjadi rujukan utama dalam industri pelancongan Islam (Mastercard & CrescentRating, 2025). Mereka menggunakan skala penarafan 1 hingga 7 untuk mengukur sejauh mana fasiliti tersebut dianggap mesra Muslim. Sebagai contoh, hotel dengan penarafan rendah mungkin hanya menyediakan penanda arah kiblat, manakala penarafan tinggi memerlukan penyediaan makanan halal sepenuhnya dan tiada alkohol. Ini menunjukkan bahawa industri global cenderung menggunakan pendekatan berskala (*rating*) berbanding pendekatan binari (halal atau haram) untuk memudahkan klasifikasi (CrescentRating, 2022).

Walaupun terdapat pelbagai standard seperti MS 2610 dan garis panduan OIC, tinjauan literatur menunjukkan bahawa masih belum ada satu definisi universal atau kata sepakat yang jelas mengenai terma-terma ini di peringkat global. Musa et al, 2016; Mohd Azli et al, 2025 berhujah bahawa ketiadaan terminologi yang standard menyebabkan istilah "Halal Tourism", "Islamic Tourism" dan "Muslim-Friendly" sering digunakan tanpa batasan yang jelas.

Kekeliruan ini mewujudkan jurang yang ketara. Di sesetengah negara, hotel yang melabelkan diri sebagai 'Mesra Muslim' mungkin dianggap "Halal" oleh pelancong, sedangkan dapur hotel tersebut tidak mempunyai pensijilan halal yang sah (Samori & Sabtu, 2014). Razali et al (2013) menegaskan bahawa wujud tafsiran yang berbeza antara pengusaha hotel, badan pensijilan dan pelancong boleh menyebabkan ketidakpuasan hati pelanggan dan isu kepercayaan. Ketidadaan kata sepakat di peringkat global ini menyukarkan pelancong untuk membezakan antara hotel yang benar-benar patuh Syariah atau dipersijilkan Halal dengan hotel yang sekadar menyediakan kemudahan asas yang mesra Muslim, sekaligus menuntut keperluan untuk kajian yang lebih mendalam bagi menganalisis jurang persepsi dan pelaksanaan label-label ini (Razali, 2018).

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan sepenuhnya menerusi reka bentuk kualitatif menerusi pendekatan analisis kandungan. Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah kepustakaan yang melibatkan

sumber primer seperti Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), MS2610:2015, dan Akta Perihal Dagangan 2011, manakala sumber sekunder merangkumi jurnal akademik, laporan GMTI dan laman web hotel. Seterusnya, data dianalisis menggunakan Analisis Komparatif bagi membandingkan keperluan standard halal dengan kriteria 'Mesra Muslim' komersial. Pendekatan ini bertujuan mengenal pasti jurang perbezaan sebenar antara label 'Mesra Muslim' dan 'Pensijilan Halal'.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis terhadap dokumen polisi dan tinjauan pasaran semasa mendapati wujudnya jurang signifikan antara piawaian perundangan "Halal" dengan realiti komersial label 'Mesra Muslim' (*Muslim-Friendly*). Ketidaksamaan ini bukan sekadar pada istilah, malah melibatkan perbezaan operasi yang ketara. Perincian perbandingan antara kedua-dua konsep ini diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Perbezaan Utama Parameter Hotel Berstatus Halal dan Mesra Muslim

Aspek	Hotel dengan Pensijilan Halal (JAKIM/JAIN)	Hotel Berlabel 'Mesra Muslim' (Muslim-Friendly)
Fokus Utama	Mengutamakan aspek hukum Syarak dalam penyediaan makanan dan minuman (Halalan Toyyiban).	Mengutamakan aspek fasiliti & keselesaan untuk tetamu Muslim melaksanakan ibadah.
Skop Liputan	Fokus kepada dapur Hotel (<i>Kitchen</i>) dan <i>outlet</i> restoran tertentu sahaja.	Merangkumi fasiliti secara menyeluruh termasuk bilik tidur, tandas, dan kemudahan umum.
Status Makanan	Mempunyai sijil sah yang diiktiraf JAKIM/JAIN. Tiada keraguan pada ramuan.	Tiada jaminan pensijilan rasmi. Selalunya menggunakan label "Bebas Khinzir" (<i>No Pork</i>) sebagai ganti.
Polisi Alkohol	Dilarang sama sekali di dalam premis atau dapur yang dipersijilkan halal.	Alkohol masih boleh didapati di kawasan tertentu (<i>bar/lounge</i>), tetapi tidak diletakkan dalam bilik tidur.
Fasiliti Ibadah	Tidak dinilai semasa proses audit pensijilan halal dapur.	Disediakan secara khusus seperti arah kiblat yang tepat dan jadual waktu solat di bilik.
Kemudahan Bilik Air	Tiada spesifikasi khusus dalam pensijilan halal.	Mementingkan kemudahan paip air (<i>bidet/hand shower</i>) di tandas untuk tujuan bersuci (<i>Istinja</i>).
Badan Pengawal	Dikawal selia secara undang-undang oleh agensi kerajaan (JAKIM/JAIN) di bawah Akta Perihal Dagangan.	Dikawal oleh standard industri seperti MS2610, CrescentRating atau <i>self-claim</i> oleh pengurusan hotel.
Jaminan Kebersihan	Mematuhi standard kebersihan ketat (HACCP/GMP) sebagai prasyarat sijil halal.	Kebersihan umum dijaga, tetapi aspek kesucian dari najis (taharah) mungkin tidak diaudit secara khusus.

Berdasarkan analisis dalam Jadual 1, didapati perbezaan paling ketara terletak pada skop pematuhan. Pensijilan Halal yang dijalankan oleh JAKIM/JAIN terikat dengan prinsip Halalan Toyyiban yang ketat, di mana fokus utamanya adalah integriti rantai makanan dan kepatuhan syariah mutlak. Sebaliknya, konsep Mesra Muslim dilihat lebih bersifat praktikal dan fleksibel. Ia direka untuk memenuhi keperluan dan keselesaan tetamu seperti penyediaan arah kiblat, sejadah dan paip air di tandas (Papastathopoulos et al, 2021).

Dapatan kajian turut mendedahkan percanggahan dalam aspek pengurusan makanan dan minuman. Berbeza dengan syarat ketat Halal yang mengharamkan sebarang alkohol di premis, konsep 'Mesra Muslim' sebaliknya memberikan kelonggaran kepada pemain industri hotel untuk beroperasi (Ruzulan, 2022). Situasi yang kerap berlaku adalah penggunaan label "*Pork-Free*" sebagai ganti kepada pensijilan halal rasmi. Strategi ini membolehkan pihak hotel menarik perhatian dan keyakinan pelancong Islam tanpa perlu menanggung kos pematuhan audit halal yang ketat atau membuang fasiliti bar yang menjana pendapatan tinggi (Sabri, 2022; Yahaya, 2020).

Situasi ini menunjukkan bahawa label 'Mesra Muslim' hari ini lebih didorong oleh strategi pemasaran hotel berbanding kepatuhan standard yang sebenar. Disebabkan ketiadaan undang-undang khusus yang mengawal istilah ini, pengusaha hotel bebas mempromosikan fasiliti ibadah sebagai nilai tambah (*selling point*), walaupun pada masa yang sama premis tersebut mungkin masih menyajikan alkohol. Kesannya, wujud risiko kekeliruan persepsi dalam kalangan pengguna yang mungkin menganggap hotel 'Mesra Muslim' mempunyai jaminan yang setaraf dengan hotel bersijil Halal.

CADANGAN PENYELESAIAN

Isu ketidakseragaman antara penggunaan label 'Mesra Muslim' dan 'Pensijilan Halal' dalam industri perhotelan Malaysia bukanlah satu masalah yang boleh diselesaikan dengan satu penyelesaian tunggal. Seperti yang dibincangkan dalam analisis literatur sebelum ini, punca utama jurang ini adalah kekeliruan definisi, kekangan kos operasi dan ketiadaan satu sistem pusat yang mengikat semua kategori hotel. Oleh itu, bahagian ini menggariskan beberapa cadangan praktikal yang boleh dipertimbangkan oleh pihak berwajib, pemain industri dan badan pensijilan untuk mengharmonikan situasi ini.

Memperkenalkan Sistem Klasifikasi Berperingkat (*Tiered Classification System*)

Kekeliruan sering timbul disebabkan persepsi bahawa sesebuah hotel mestilah sama ada 100% 'Islamik' atau tidak langsung. Hakikatnya, industri ini memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel. Oleh itu, disarankan agar pihak berwajib seperti MOTAC dan JAKIM bekerjasama memperkenalkan sistem pengelasan rasmi secara berperingkat, dan bukan sekadar label 'Ya' atau 'Tidak'. Klasifikasi ini wajar dibahagikan kepada tiga tahap:"

1. **Tahap 1 (Asas):** Hotel yang memenuhi keperluan asas pelancong Muslim (*Need to Have*). Hotel dalam kategori ini mungkin tidak mempunyai sijil halal penuh, tetapi mereka menyediakan arah kiblat, sejadah atas permintaan, dan maklumat restoran halal berdekatan. Mereka dibenarkan menggunakan label "Mesra Pelancong Muslim" tetapi dilarang menggunakan istilah "Halal" atau "Patuh Syariah".
2. **Tahap 2 (Pertengahan):** Hotel yang mempunyai dapur atau restoran yang disahkan Halal oleh JAKIM. Ini adalah kategori paling popular di Malaysia sekarang. Pengiktirafan ini memberi jaminan aspek makanan, namun tetamu perlu dimaklumkan bahawa fasiliti lain (seperti kolam renang) mungkin bercampur.
3. **Tahap 3 (Premium/Patuh Syariah):** Hotel yang mengamalkan sistem patuh syariah sepenuhnya, termasuk larangan alkohol di seluruh premis, kod etika pakaian kakitangan, dan pengasingan fasiliti rekreasi.
- 4.

Dengan adanya klasifikasi rasmi ini, pengusaha hotel tidak lagi perlu "takut" untuk menyertai pasaran ini hanya kerana mereka tidak mampu mencapai tahap sempurna. Pelancong juga akan lebih jelas mengenai apa yang bakal mereka perolehi berdasarkan rencana atau label yang dipaparkan di pintu masuk hotel.

Memperkasa Standard MS 2610:2015

Malaysia sebenarnya sudah memiliki satu dokumen standard yang sangat praktikal iaitu MS 2610:2015 (*Muslim Friendly Hospitality Services*). Namun, standard ini masih bersifat sukarela dan kurang dipromosikan berbanding Pensijilan Halal JAKIM yang lebih tertumpu kepada premis makanan hotel. Ramai pengusaha hotel, terutamanya yang bukan berjenama besar, tidak menyedari kewujudan standard ini atau merasakan prosesnya terlalu rumit (Pamukcu & Sariisik, 2021).

Oleh itu, dicadangkan agar elemen-elemen asas dalam MS 2610:2015 diserapkan secara perlahan-lahan ke dalam syarat permohonan lesen hotel atau kriteria Penarafan Bintang hotel oleh MOTAC. Sebagai contoh, untuk mendapatkan penarafan 4 atau 5 bintang, sesebuah hotel mungkin diwajibkan untuk mematuhi sekurang-kurangnya kriteria Tahap 2 dalam sistem klasifikasi mesra Muslim. Ini akan menjadikan standard ini bukan lagi sekadar dokumen rujukan, tetapi sebahagian daripada operasi hotel di Malaysia.

RUMUSAN

Kesimpulannya, analisis ini merumuskan bahawa jurang ketara antara label 'Mesra Muslim' dan 'Pensijilan Halal' dalam industri perhotelan Malaysia berpunca daripada ketidakseragaman definisi serta ketiadaan kesepakatan terhadap piawaian operasi. Walaupun pelbagai standard seperti MS 2610:2015 dan sistem penarafan antarabangsa wujud, pemain industri sering terperangkap dalam dilema antara memenuhi tuntutan Syariah yang idealistik dengan realiti kelangsungan perniagaan komersial. Akibatnya, ramai pengusaha hotel memilih pendekatan mudah dengan hanya memfokuskan kepada pensijilan halal makanan (F&B) tanpa mengamalkan pengurusan patuh syariah yang holistik, situasi yang sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelancong mengenai status sebenar kepatuhan hotel tersebut.

Oleh itu, jalan penyelesaian yang paling mampan adalah dengan mengharmonikan standard dengan memperkenalkan sistem klasifikasi berperingkat yang telus agar boleh membezakan dengan jelas antara hotel berfasiliti asas 'Mesra Muslim' dengan hotel berstatus premium "Patuh Syariah". Penyelarasan ini penting bagi menyelesaikan kekeliruan definisi antara label 'Mesra Muslim' dan 'Pensijilan Halal'.

RUJUKAN

- Abd Rahman, S. N. H., Mohd Azli, R., Mohd Zhaffar, N., & Babge, S. N. (2025). Important references for Shariah-compliant hotels: Global and local perspectives. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 26(1), 101–110. <https://doi.org/10.37231/jimk.2025.26.1.887>
- Abdul Karim, N., Azeman, A. S., Noor Iskandar, N. S., Mohd Ariffin, N. A., & Mahamed Ali, F. (2022). Halal standard: Issues in hotel industry. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2-SE). <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no2-SE.481>
- Abu Karim, M. H., Ahmad, R., & Zainol, N. A. (2017). Differences in hotel attributes: Islamic hotel and Sharia compliant hotel in Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(2), 157–169.
- Ahmad, R., Zainol, N. A., & Abu Karim, M. H. (2019). Intention to adopt Islamic quality standard: A study of hotels in Peninsular Malaysia. *KATHA*, 15(1), 20–45. <https://doi.org/10.22452/KATHA.vol15no1.2>
- Ahmat, N. C., Ridzuan, A. H. A., & Zahari, M. S. M. (2012). Dry hotel and Syariah compliant practices: Concepts, challenges and reality in Malaysia. In *2012 International Conference on Innovation Management and Technology Research* (pp. 107–111). IEEE. <https://doi.org/10.1109/ICIMTR.2012.6236370>
- Amir, A. N., & Abdul Rahman, T. (2024). An overview on the growth of halal-concept hotel chain's in Malaysia. *International Journal of Halal Ecosystem and Management Practices*, 2(3), 29–36. <https://doi.org/10.35631/IJHEMP.23003>
- Boğan, E., & Sarıışık, M. (2019). Halal tourism: conceptual and practical challenges. *Journal of Islamic Marketing*, 10(1), 87–96. <https://doi.org/10.1108/JIMA-06-2017-0066>
- Che Omar, C. M., & Mohamad Ali Adaha, N. (2019). An Operational Shariah Compliant Hotel Requirements: Malaysia experience. *Journal of Hospitality and Networks*, 1, 23–33.
- Department of Islamic Development Malaysia. (2020). *Malaysia halal management system (MHMS) 2020*.
- Department of Islamic Development Malaysia. (2020). *Manual prosedur pensijilan halal Malaysia (domestik) 2020*.
- Department of Standards Malaysia. (2015). *Muslim friendly hospitality services - Requirements* (MS 2610:2015).
- Hashim, N. I., & Mohd Fauzi, N. (2022). Muslim-Friendly Hotel in Malaysia: The Development, Operating Concept and Associated Issues. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 9(1), 67–76. <https://doi.org/10.22452/ris.vol9no1.5>
- Hussain, A., Jamaluddin, M. A., & Hashim, K. S. H.-Y. (2021). Study on Muslim Friendly Hotel in Malaysia: A Conceptual Framework. *Journal of Halal Industry & Services*, 4(1). <https://doi.org/10.36877/jhis.a0000240>
- Ma'asor @ Mansor, M. A., Mat Som, A. P., Yusof, Y., & Al Qassem, A. (2023). Level of Islamic Attributes Practices by Muslim Friendly Hotel in Malaysia. *Planning Malaysia*, 21(25). <https://doi.org/10.21837/pm.v21i25.1229>
- Mastercard & CrescentRating. (2025). *Global Muslim Travel Index 2025*. Retrieved from <https://www.crescentrating.com/reports/mastercard-crescentrating-global-muslim-travel-index-gmti-2025.html>
- Mazlan, N., Izham, S. S., & Ahmadun, M. (2023). Muslim friendly hotels as Islamic tourism products: Issues and challenges. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(2), 241–255. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i2/16344>

- Mohamad Rasit, R., Hamjah, S. H., & Mansor, S. F. (2016). Provision of Shariah-compliant hotel services towards Muslim tourism in Malaysia. *Full Paper Proceeding BESSH-2016*, 157(7), 14–20.
- Mohd Azli, R., Abd Rahman, S. N. H., Mohd Zhaffar, N., Pitchan, M. A., & Ulirrahmi, F. (2025). Masa depan industri hotel halal di Malaysia dan Indonesia: Analisis cabaran dan peluang strategik [The future of the halal hotel industry in Malaysia and Indonesia: An analysis of challenges and strategic opportunities]. *Journal of Halal Science and Management Research*, 1(1). <https://doi.org/10.24191/jhsmr.v1i1.8977>
- Musa, A., Abdul Kadir, S., Ibrahim, M., Jusoh, N., Che Tahrim, S. N., & Mohd Din, N. (2017). Developing a proper framework towards Shariah-compliant hotel in Malaysia: Identifying opportunities and challenges. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(4), 103–111.
- Muslim, A. K., & Harun, A. (2022). Exploring the concept of Muslim friendly tourism. *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage*, 10(3), Article 6. <https://doi.org/10.21427/n4fm-gb33>
- Pamukcu, H., & Sariisik, M. (2021). Suggestions for standardization of halal tourism in hospitality industry. *Journal of Islamic Marketing*, 12(2), 389–407. <https://doi.org/10.1108/JIMA-04-2019-0078>
- Papastathopoulos, A., Koritos, C., & Mertzanis, C. (2021). Effects of faith-based attributes on hotel prices: The case of halal services. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 33(8), 2839–2861. <https://doi.org/10.1108/IJCHM-01-2021-0044>
- Razalli, M. R. (2018). Managing Halal certification supply chain: Determinants success factors framework for a hotel performance. *International Journal of Supply Chain Management*, 7(1), 149–154.
- Razalli, M. R., Yusoff, R. Z., & Roslan, M. W. M. (2013). A framework of halal certification practices for hotel industry. *Asian Social Science*, 9(11), 316–326. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n11p316>
- Ruzulan, Z., Jamaludin, M. A., & Yahaya, A. M. (2022). Malaysian hotel certification in the Islamic tourism industry. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(SI7), 421–425. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7iSI7.3811>
- Sabidin, F. B. (2015). Halal hotels in Malaysia: Certification, issues and challenges. *The Journal: Tourism and Hospitality Essentials Journal*, 5(2). <https://doi.org/10.17509/thej.v5i2.2000>
- Sabri, H., Mustafa, L., Khairi, K. F., Ali Basah, M. Y., Abu Seman, J., & Mohamad Anwar, N. A. (2022). The criteria of accommodation in Muslim friendly hospitality services (MFHS) for the tourism sector in Malaysia: Kriteria penginapan dalam perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim (PHMM) bagi sektor pelancongan di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(1), 22–36. <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/361>
- Samori, Z., & Sabtu, N. (2014). Developing Halal standard for Malaysian hotel industry: An exploratory study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 121, 144–157. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.01.1116>
- Samori, Z., Abd Rahman, F., & Mohd Zahari, M. S. (2017). Conceptual framework for Shari'ah governance with special reference to the Muslim friendly hotel sector in Malaysia. In M. H. Bilgin, H. Danis, E. Demir, & U. Can (Eds.), *Country experiences in economic development, management and entrepreneurship* (pp. 717–731). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-319-46319-3_45
- Yahaya, M. Z., Samsudin, M. A., & Mohd Kashim, M. I. A. (2020). Analisis standard hotel mesra Muslim di Malaysia berdasarkan perspektif Maqasid Syariah [An analysis of Muslim friendly hotel standards in Malaysia according to the Maqasid Syariah

perspective]. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 43–53.
<https://doi.org/10.24035/IJIT.18.2020.180>